



AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITM CPP)

# E-BULETIN ACIS UITM CPP

**LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU**


Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTM CPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTM CPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTM CPP.

**EDISI  
2024**



# **WAKAF ILMU**

# TUNGGANG AGAMA



Penulis: Ustaz Zulkifli Dahalan

Pensyarah Kanan ACIS UiTM CPP

## Pendahuluan

Firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud: “.. dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayatKu (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertaqwa..” (Al-Baqarah, 2:41)

Dr Wahbah al-Zuhayli dalam Tafsir al-Munir menjelaskan ianya membawa maksud mereka menukar ayat-ayat Allah penuh kebenaran dengan gantian sedikit dan harta yang murah. Maka jadilah ia penukaran yang merugikan apabila kebenaran yang besar digantikan dengan nisbah sedikit dan hina.

Imam al-Qurtubi dalam Tafsir al-Jami' li Ahkam al-Quran mentafsirkannya sebagai larangan mengambil atas ayat-ayat Allah itu sebagai harga yang ertinya rasuah (habuan) atas mengubah sifat Nabi Muhammad SAW.

Larangan ditujukan buat pendeta Yahudi yang telah melakukan pengubahan tersebut. Maksudnya Allah Taala telah menempelak para pendeta dan bijak pandai dari kalangan orang-orang Yahudi yang telah menukar sifat Nabi SAW yang telah tertulis dalam kitab-kitab mereka sehingga apabila dibacakan kitab tersebut nescaya tidak ada lagi menyebut tentang Nabi Muhammad SAW lalu orang-orang Yahudi tidak akan memeluk agama Islam.

Jika orang-orang Yahudi masuk ke dalam agama Islam maka tidak ada lagi kekayaan dan sumbangan yang akan diterima oleh pendeta-pendeta tersebut.

Imam al-Tabari dalam Tafsir al-Jamiul Bayan menyebutkan Allah melarang orang-orang ahli kitab yang mengetahui akan kebenaran daripada menyembunyikannya, tidak mereka sampaikan kepada sekalian manusia dan mereka mendapat upah atas perbuatan mereka tidak menyampaikan kebenaran itu.

## Tunggang Agama

Penunggang agama dikaitkan dengan individu, sekumpulan manusia yang salah guna agama untuk kepentingan masing-masing. Situasi melibatkan salah guna ajaran Islam dengan menonjolkan imej berkaitan Islam seolah menjadi satu normalisasi baru bagi perbuatan yang jelas bercanggah dengan kehendak al-Quran. Ia digunakan secara sewenang-wenangnya untuk menghalalkan perbuatan serta menarik masyarakat memenuhi kehendak mereka. Ada yang hebat berceramah dengan penuh daya penarik, ada yang menarik masyarakat dengan menyantuni kelompok yang bermasalah, ada yang menggunakan institusi pendidikan untuk mendekati mangsa, ada yang menggunakan institusi pendidikan atas nama Islam untuk menarik sumbangan dan ada yang menunggang isu Palestine dan masalah umat serta dunia Islam lain. Matlamatnya tidak berbeza, mengaut laba, meraih kepercayaan dan simpati untuk kepentingan masing-masing iaitu seks dan harta.

## Kesalahan Berkaitan Seks

Berita Harian (2024) melaporkan, terdapat kes salah laku seks luar tabie oleh seorang bekas murid sebuah madrasah di Machang, Kelantan. Syamsul Zaman Sukri atau lebih dikenali sebagai 'ustaz budak' sedang menjalani hukuman penjara 13 bulan atas kesalahan melakukan kelucahan melampau terhadap seorang lelaki di sebuah hotel, gagal untuk mengetepikan hukuman tersebut.

Kes lain, mahkamah Majistret Tenom, Sabah diberitahu oleh seorang saksi bahawa pendakwah Ebit Irawan Ibrahim Leiw atau Ebit Liew telah menghantar kira-kira 70 mesej berunsur lucah menerusi aplikasi WhatsApp kepadanya, antara 10.57 malam hingga 12 tengah malam pada 19 April 2021.

Selain itu, seorang ustaz sekolah rendah Sanyzam Dabal dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Tawau, Sabah atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas tiga muridnya antara September hingga November lalu.

Berdasarkan pertuduhan pertama, guru Pendidikan Islam itu didakwa melakukan amang seksual terhadap murid perempuan berusia sepuluh tahun dalam bilik darjah di sekolah tempat dia mengajar antara 20 Mac hingga 17 September 2023). Kes-kes ini membarisi beberapa banyak kes lagi yang melibatkan gangguan seksual terhadap lelaki dan perempuan melibatkan pelaku yang membawa imej 'ustaz dan pendakwah'.

## Seleweng Dana

Maruah Islam tergugat lagi dengan berita penahanan beberapa 'orang kuat' NGO Aman Palestin. Pengerusi, CEO Aman Palestin telah didakwa lebih 100 tuduhan pecah amanah, pengubahan wang haram antara berita yang mengejutkan kita awal tahun ini. NGO tersebut telah sekian lama mengutip sumbangan buat Palestin tetapi menyalahgunakan hasil sumbangan tersebut. Wang tersebut tidak disampaikan sepenuhnya kepada umat Islam Palestine tetapi dibelanjakan untuk tujuan lain seperti yang dilaporkan iaitu pembelian 131 kg emas, beli hartanah dan kereta Vellfire.

Muncul pula isu 'Jom Donate' yang menyebabkan beberapa orang didakwa termasuk pengengaruh media sosial, Alif Teega, Aisyah Hijanah dan Mohamad Basri Ibrahim serta beberapa orang aktivis pemuda sebuah parti politik Islam.

Daya tarikan sumbangan menggunakan label 'sedekah, kurma, korban' berjaya mengabui mata masyarakat untuk menyumbang. Wang sumbangan tidak diaudit oleh badan bertauliah dan tidak diketahui Malaysia diserahkan.

Beberapa isu yang timbul ini selain bercanggah dengan Islam, ia juga memunculkan keraguan umat Islam untuk memberi sumbangan kepada mana-mana individu dan organisasi berkaitan Islam.

Penulis mencadangkan agar pihak berkuasa mewujudkan satu peraturan kawal selia ketat bagi memastikan 'salah guna' ini dapat dikawal dengan menyulitkan mana-mana pihak untuk mengambil kesempatan atas keluhuran budi umat Islam di Malaysia. Bagi individu yang ingin menyumbang hendaklah menyemak secara detail pihak pemohon dan penerima sumbangan.

## Rujukan

Bernama (2024). Kelucahan Melampau: 'Ustaz Budak' Kekal Jalani Hukuman Penjara 13 Bulan. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1213333/kelucahan-melampau-ustaz-budak-kekal-jalani-hukuman-penjara-13-bulan>.

Bernama (2024). Ebit Lew Hantar 70 Mesej Lucah dalam Tempoh Lebih Sejam – saksi. Diakses dari <https://api.hmetro.com.my/utama/2024/05/1092855/ebit-lew-hantar-70-mesej-lucah-dalam-tempoh-lebih-sejam-saksi>.

Abdul Rahemang Taiming (2024). Ustaz Didakwa Cabul 3 Murid Ketika Sesi Pembelajaran di Kelas. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1056776/ustaz-didakwa-cabul-3-murid-ketika-sesi-pembelajaran-di-kelas>

Pia Ernadya (2024). Pengerusi, Ceo Aman Palestin didakwa Lebih 100 Tuduhan Pecah Amanah, Tipu, Pengubahan Wang Haram. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengerusi-ceo-aman-palestin-didakwa-lebih-100-tuduhan-pecah-amanah-tipu-pengubahan-wang-haram-458365>.

Farah Marshita Abdul Patah (2024). Kes Aman Palestin: Tipu dana beli 131kg emas, wang haram beli hartanah, Vellfire. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1213161/kes-aman-palestin-tipu-dana-beli-131kg-emas-wang-haram-beli-hartanah>.



اِنْبُوْا سَبِيْلِيْ تَكُوْنُوْا لَوْ كُنْیَ مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



<https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95>



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



9 773030 665006

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.